

# Mahathir turut kecewa

Daripada Mahfar Ali di Doha, Qatar

BH 14 NOV 2000

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sedih Kuala Lumpur gagal dipilih sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006, yang terlepas ke tangan Qatar dalam pemilihan di Pusan, Korea Selatan, kelmarin.

"Kita ingat kita dipilih. Kita perlu kaji apa sebab kita gagal," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri jamuan bersama rakyat Malaysia di Kelab Diplomatik di Doha semalam.

Dr Mahathir yang tiba di Doha Sabtu lalu, untuk menghadiri sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang bermula kelmarin, menyuarakan kesedihannya ketika mengulas kegagalan Malaysia menjadi tuan rumah sukan kedua terbesar di dunia selepas Olimpik.

Sebelum pemilihan di Pusan, Malaysia disebut akan dipilih sebagai tuan rumah sukan itu.

Bagaimanapun, pada pemilihan berkecaraan Malaysia cuma mendapat 13 undi, manakala Qatar mendapat 22 undi. Satu lagi calon, Hong Kong sekadar enam undi sementara New Delhi terkeluar dari senarai pemilihan setelah mendapat hanya dua undi pada pusingan pertama.

Qatar yang pertama kali menganjurkan sukan itu, menjanjikan peruntukan AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) bagi menjayakannya. Daripada jumlah itu, AS\$700 juta (RM1.8 bilion) diperuntukkan bagi pembinaan perkampungan sukan serba lengkap dan canggih.

Perkampungan itu untuk kemudahan tidak kurang 10,000 atlit dan pegawai yang akan menghadiri sukan berprestij itu yang diadakan empat tahun sekali.

Kali terakhir sukan itu diadakan di Timur Tengah ialah di Teheran, Iran pada 1974.